

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS♦

JUDUL: **KESESUAIAN PERSONALITI DENGAN BIDANG KURSUS YANG DIKUTI DAN HUBUNGANNYA DENGAN FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA PERGURUAN DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA PENDIDIKAN KEMAHIRAN HIDUP, UTM, SKUDAI, JOHOR**

SESI PENGAJIAN: 2008/2009

Saya **SUZARINA BINTI SUHOD**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
NO. 52-A FELDA NITAR 2,
86800 MERSING,
JOHOR.

Tarikh: 12 OKTOBER 2008

DR. FAIZAH BTE ABDUL GHANI
Nama Penyelia

Tarikh: 15 November 2008

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

KESESUAIAN PERSONALITI DENGAN BIDANG KURSUS YANG DIKUTI
DAN HUBUNGANNYA DENGAN FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA
PERGURUAN DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA PENDIDIKAN
KEMAHIRAN HIDUP, UTM, SKUDAI, JOHOR


SUZARINA BINTI SUHOD

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana
Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



Tandatangan :
Nama Penulis : Suzarina Binti Suhod
Tarikh : 15 November 2008

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)”.



Tandatangan :
Nama Penyelia : Dr. Faizah Bte Abd Ghani
Tarikh : 15 November 2008

DEDIKASI

Buat ibunda tercinta,
Puan Jabedah Binti Surip

Terima kasih yang tidak terhingga atas doa restu
dan kasih sayang yang diberikan
Kejayaan ini adalah hadiahku untukmu yang tidak pernah
mengetahui erti jemu mendidik dan menasihati

Buat Nurhirazree Bin Mansor
serta seluruh ahli keluarga,

Terima kasih kerana sentiasa memberi galakan
serta perangsang untuk diriku menempa kejayaan

Pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan UTM

Teman-teman seperjuangan,

Yang banyak memberikan sokongan dan dorongan
Dalam menempuh segala cabaran
Ketulusan hati dan keindahan budimu
Menjadi memori abadi

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga
Semoga kalian diberkati-Nya...InsyaAllah...

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas penghulu kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya serta sekalian para sahabatnya.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kajian ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia tesis ini, Dr. Faizah Bte Abd Ghani atas tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang amat bermakna sedari awal kajian ini dijalankan hinggalah kajian ini berjaya dikemukakan dengan jayanya.

Kerjasama daripada pihak Fakulti Pendidikan dan responden kajian ini iaitu pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup semester 1, sesi 2008/2009 juga amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesesuaian personaliti dengan bidang kursus yang diikuti dan hubungannya dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup, UTM, Skudai. Kajian ini menggunakan rekabentuk kolerasi berdasarkan kepada Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973). Sebanyak 40 responden telah dipilih dalam kajian ini dengan menggunakan pensampelan purposif atau bertujuan. Alat kajian *Self-Directed Search (SDS)-Form Easy* (Versi Terjemahan Amla, 1984) telah digunakan bagi mendapatkan profil personaliti responden, manakala Indeks Kongruen Iachan digunakan bagi mendapatkan darjah kongruen personaliti responden. Soal selidik Norlia Melawi (2000) yang mempunyai nilai *Cronbach alpha* 0.7082 digunakan bagi mendapatkan faktor pemilihan kerjaya perguruan responden. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* Version 16.0. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor utama dalam pemilihan kerjaya perguruan responden adalah faktor minat. Dapatan kajian juga menunjukkan profil personaliti keseluruhan responden adalah SCE. Selain itu, Indeks Kongruen Iachan pula menunjukkan 65.0% daripada jumlah keseluruhan responden mempunyai tahap padanan yang lemah antara darjah kongruen personaliti mereka dengan bidang kursus Kemahiran Hidup. Analisis inferensi kolerasi Pearson 'r' digunakan untuk melihat hubungan antara darjah kongruen personaliti dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan responden. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor ganjaran dalam pemilihan kerjaya perguruan mereka, manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor minat, keluarga dan persekitaran.

ABSTRACT

This study examined the appropriateness of the personality and their courses based on the career decision factors in selecting teacher as a career path among Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup students, UTM, Skudai. This correlation research was used and the theoretical framework of this study was based on Holland's Theory of Career Typology (1973). A total of 40 respondents were selected by using purposive sampling method. Self-Directed Search (SDS)-Form Easy (Amla translation version, 1984) was used as the instrument to study the respondents' personality profile while the degree of congruence on personality respondents' were measured by using Iachan Congruence Index. Questionnaire from Norlia Melawi (2000) showed the alpha Cronbach 0.7082 was used to study the career decision factors in selecting teacher as a career path. The data was analyzed by using *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Version 16.0*. The descriptive analysis of data showed that the main factors on career decision factors in selecting teacher as a career path is the interest factors. The results also indicated that the personality profile of respondents is SCE. The Iachan Congruence Index showed that 65.0% from the total amount of respondents have the poor level between the degree congruence on personality with the Kemahiran Hidup courses. Inferential analysis for Pearson 'r' correlation was used to identify the relationship between degree congruence on personality respondents' with their career decision factors in selecting teacher as a career path. The finding showed that there was a significant relationship between degree congruence on personality respondents' with the reward factors in respondents' career decision factors in selecting teacher as a career path. The result also indicated that there were no significant relationships between degree congruence on personality respondents' with the interest, family and environment factors.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGESAHAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
 BAB 1	 PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.7.1 Kementerian Pelajaran Malaysia	11

1.7.2	Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	11
1.7.3	Fakulti Pendidikan	12
1.7.4	Pelajar-pelajar	12
1.8	Skop dan Batasan Kajian	12
1.9	Definasi Konsep dan Operasional Kajian	13
1.9.1	Personaliti	13
1.9.2	Faktor	15
1.9.3	Pemilihan Kerjaya	15
1.9.4	Bidang Perguruan	16
1.9.5	Pelajar	16
1.10	Kesimpulan	17
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Kerangka teoritikal	18
2.3	Kajian-kajian Lepas	27
2.3.1	Keselarasan pola personaliti-persekitaran di kalangan pelajar	27
2.3.2	Hubungan antara personaliti dan pemilihan kerjaya	32
2.4	Kesimpulan	38
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Tempat Kajian	40
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	41
3.5.1	Bahagian A : Maklumat Peribadi Responden	42
3.5.2	Bahagian B : Faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan	42
3.5.3	Bahagian C : Self Directed Search (SDS) - Form Easy (Versi Terjemahan Amla)	44

3.5.3.1	Skor Manual Self Directed Search (SDS) – Form Easy (Versi Terjemahan Amla)	46
3.5.3.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan SDS – Form Easy (Versi Terjemahan Amla)	46
3.5.3.3	Indeks Kongruen Iachan	47
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	49
3.7	Penganalisan Data	49
3.8	Kesimpulan	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Analisis Deskriptif Maklumat Peribadi Responden (Bahagian A)	54
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	54
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	54
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Majikan Iubapa/Penjaga	55
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi	55
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Status	56
4.2.6	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik	57
4.3	Analisis Deskriptif Faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan (Bahagian B)	57
4.3.1	Faktor Minat	57
4.3.2	Faktor Keluarga	59
4.3.3	Faktor Ganjaran	60
4.3.4	Faktor Persekitaran	62
4.3.5	Min Bagi Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan	63
4.4	Analisis Deskriptif Profil Personaliti Responden (Bahagian C)	64

4.4.1	Profil Personaliti Responden	64
4.4.2	Kod Tiga Huruf Pengkaji Berbanding Kod tiga Huruf Holland	65
4.5	Analisis Keselarasan Tahap Padanan Personaliti Responden dengan Bidang Kursus yang Diikuti	66
4.5.1	Taburan Analisis Tahap Padanan Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Bidang Kursus yang Diikuti	66
4.5.2	Klasifikasi Bagi Hasil Taburan Analisis Tahap Padanan Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Bidang Kursus yang Diikuti	67
4.6	Analisis Inferensi	69
4.6.1	Hubungan Antara Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Faktor Minat dalam Pemilihan Kerjaya Perguruan Responden	69
4.6.2	Hubungan Antara Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Faktor Keluarga dalam Pemilihan Kerjaya Perguruan Responden	70
4.6.3	Hubungan Antara Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Faktor Ganjaran dalam Pemilihan Kerjaya Perguruan Responden	71
4.6.4	Hubungan Antara Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Faktor Persekitaran dalam Pemilihan Kerjaya Perguruan Responden	72
4.7	Kesimpulan	73
BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	74
5.2	Perbincangan	75

5.2.1	Hasil Dapatan Taburan Maklumat Peribadi Responden	75
5.2.2	Hasil Dapatan Faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan di kalangan Responden	77
5.2.3	Hasil Dapatan Profil Personaliti Responden dan Perbandingan Kod Tiga Huruf Pengkaji berbanding Kod Tiga Huruf Holland	79
5.2.4	Hasil Analisis Taburan Tahap Padanan Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Bidang Kursus yang Diikuti	82
5.2.5	Keputusan Dan Analisis Ujian Korelasi Pearson	84
5.3	Rumusan dan Implikasi Kajian	85
5.4	Cadangan Tindakan Kajian	87
5.5	Cadangan-cadangan Kajian Lanjutan	89
5.6	Kesimpulan	91
BIBLIOGRAFI		92
LAMPIRAN		99

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kaitan antara Cara Hidup, Ciri-ciri dan Persekitaran Pekerja	25
3.1	Pengkelasan Skala Empat Mata	43
3.2	Klasifikasi Tindak Balas Peratusan	43
3.3	Faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan	44
3.4	Bilangan item mengikut subskala SDS-Form Easy (Versi Terjemahan Amla)	45
3.5	Tahap darjah kongruen berdasarkan Indeks Kongruen Iachan	48
3.6	Klasifikasi kekuatan kolerasi (Rowntree, 1981)	50
3.7	Kaedah penentuan pemilihan statistik bagi proses penganalisan data	51
4.1	Analisis taburan responden mengikut jantina	54
4.2	Analisis taburan responden mengikut bangsa	55
4.3	Analisis taburan responden mengikut majikan ibubapa/penjaga	55
4.4	Analisis taburan responden mengikut tahap pendidikan tertinggi	56
4.5	Analisis taburan responden mengikut status	56
4.6	Analisis taburan responden mengikut pencapaian akademik	57
4.7	Analisis data bagi faktor minat	58
4.8	Analisis data bagi faktor keluarga	60

4.9	Analisis data bagi faktor ganjaran	61
4.10	Analisis data bagi faktor persekitaran	63
4.11	Analisis min bagi setiap faktor	64
4.12	Analisis jenis profil personaliti responden	65
4.13	Analisis Kod Tiga Huruf Pengkaji Berbanding Kod Tiga Huruf Holland	65
4.14	Analisis keselarasan padanan personaliti responden dengan darjah kongruen bidang kursus yang diikuti responden	66
4.15	Klasifikasi bagi hasil taburan analisis padanan darjah kongruen personaliti responden dengan bidang kursus yang diikuti	68
4.16	Analisis hubungan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor minat dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan responden	69
4.17	Analisis hubungan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor keluarga dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan responden	70
4.18	Analisis hubungan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor ganjaran dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan responden	71
4.19	Analisis hubungan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor persekitaran dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan responden	72

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Peratusan Bagi Taburan Tahap Padanan Darjah Kongruen Personaliti Responden dengan Bidang Kursus Kemahiran Hidup	68

SENARAI SIMBOL

FP	-	Fakulti Pendidikan
SDS	-	Self Directed Search
Ho	-	Hipotesis nol
r	-	Pekali kolerasi
p	-	Nilai signifikan bagi Ujian Kolerasi
S.D	-	Sisihan piawai
R	-	Realistik
I	-	<i>Investigatif</i>
A	-	Artistik
S	-	Sosial
E	-	<i>Enterprising</i>
C	-	<i>Conventional</i>
%	-	Peratus

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Senarai Nama Responden
B	Contoh Borang Soal Selidik
C	Contoh Surat Pengesahan Menjalani Projek Sarjana Muda

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam era teknologi yang semakin berkembang, masyarakat kita semakin celik akal sejajar dengan kemajuan negara dunia amnya. Bagi melahirkan masyarakat yang celik akal dan mampu bersaing di peringkat global, pembangunan modal insan merupakan aspek terpenting yang perlu diberi perhatian khusus. Ini kerana aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Maka, modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh dibentuk dan dibangunkan mengikut acuannya. Pembangunan modal insan merupakan penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara.

”Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan...kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Pendidikan dan latihan kemahiran yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat”.

(Abdullah Badawi, 2006)

Berdasarkan pernyataan ini, jelaslah pembangunan modal insan perlu diatur dan dirancang dengan rapi bagi memastikan generasi muda dapat dipimpin dan

dibentuk ke arah guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing sejajar dengan keperluan pembangunan negara. Menurut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, modal insan yang ingin dihasilkan adalah generasi muda yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah dan semakin mencabar.

Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berkeperibadian mulia bagi mengisi keperluan negara. Bagi mendokong hasrat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merupakan teras utama dalam memastikan bidang pendidikan terus berkembang maju dan mampu menyediakan generasi muda Malaysia dengan kemahiran, pengetahuan dan peribadi yang unggul bagi membolehkan mereka berjaya sekaligus mampu memajukan negara serta memartabatkan negara Malaysia di mata dunia selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

(Falsafah Pendidikan Negara, 1996)

Justeru itu, dalam memperkasakan sistem pendidikan, guru atau profesion keguruan merupakan nadi yang menggerakkan dan menentukan jatuh bangunnya sesebuah sistem pendidikan yang dirancang. Profesion keguruan atau bekerja sebagai guru merupakan pekerjaan yang penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Menurut Menteri Pelajaran, YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein pada perutusan Hari Guru 2006, gelaran pendidik atau guru merupakan individu yang terpilih untuk berada di barisan hadapan dalam

menjayakan dan menyempurnakan misi negara. Warga pendidik atau guru yang berperanan sebagai tulang utama yang mendokong etika keguruan perlu sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri bagi membolehkan dirinya menjadi model kepada anak didiknya. Dengan peningkatan profesionalisme keguruan, maka misi nasional dapat disempurnakan.

Guru atau warga pendidik adalah ejen kepada keberkesanan pendidikan. Guru adalah nadi kepada sekolah. Profesionalismenya adalah kunci kepada peningkatan kualiti (Jemaah Nazir, 2001). Kualiti yang dimaksudkan bukan sahaja kepada kualiti proses malah lebih utama lagi ialah kualiti outputnya (hasil). Perkara ini tidak mungkin dicapai jika individu (guru), kumpulan, kelompok dan organisasi pendidikan tidak cekap dan tidak berkesan. Oleh yang demikian, warga pendidik atau guru perlulah terdiri daripada individu yang mempunyai semangat dan kesungguhan menabur bakti dengan ikhlas serta peka dengan amanah yang diberikan agar berupaya membawa imej, prestasi dan kualiti guru yang cemerlang. Justeru itu, institusi pendidikan mesti menyediakan guru yang benar-benar guru bukannya guru tempelan (pilihan terakhir) kerana mereka ini diamanahkan untuk mendidik anak-anak yang memerlukan ilmu dan bimbingan untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Bukan semua individu layak untuk menjadi seorang pendidik. Seorang pendidik perlu memiliki ciri-ciri tertentu yang ada di dalam dirinya (intristik). Ciri-ciri personaliti inilah yang membezakan di antara seseorang individu yang berada dalam profesion perguruan dengan individu yang berada dalam profesion yang lain. McEwan (2000) telah mengenalpasti beberapa ciri seseorang guru yang amat berkesan (*highly Effective*) yang dikategorikan kepada tiga aspek iaitu :-

- Ciri peribadi yang menjelaskan perwatakan
- Ciri mengajar yang memberikan hasil
- Ciri intelek yang menunjukkan ilmu, sedar-diri dan faham-kendiri

Ciri peribadi menerangkan tentang seorang yang bermatlamat (*mission-driven*) dalam pekerjaannya. Bersikap positif dan '*real*' yakni yakin dalam apa pun

yang dilakukan di samping sabar menerima kenyataan biar pun pahit untuk ditelan. Ia juga merupakan seorang guru-pemimpin di mana di samping mengajar ia juga membimbing dan menunjuk ajar bukan sahaja anak didik malah rakan sejawat dan siapa sahaja. Ciri mengajar pula menerangkan tentang seorang yang memiliki dan sentiasa menerapkan aspek '*dengannya*' (*with-it-ness*) dalam apa jua yang dibuat atau apa jua yang murid-muridnya mesti buat. Ia juga mempunyai stail yang tersendiri, sesuai dengan semua keadaan dan persekitaran, nilai dan budaya, peraturan dan undang-undang juga memiliki kepakaran memotivasi serta kebekesanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi ciri intelektual, ianya menerangkan tentang seorang yang suka '*membaca buku*', dan mempunyai '*mental life*' yang segar, berkembang dan mempunyai penghargaan sendiri (*self-actualization*) dengan minda yang sihat dan terbuka, melihat alam dan kehidupan di dalam ruang lingkup yang luas dan menyeluruh.

Maka, seharusnya mereka bercita-cita memilih profesion guru sebagai bidang pekerjaan perlu mempunyai personaliti yang sesuai sebagai seorang guru. Amir Awang (1983) menjelaskan bahawa pemilihan pekerjaan yang selaras dengan personaliti merupakan penentu penting bagi taraf atau kedudukan seseorang dalam masyarakat yang boleh memberi kesan kepada nilai hidup, sikap dan gaya hidup seseorang.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dunia pendidikan sering menjadi isu penting tidak kira sama ada dari segi pendidiknya ataupun isu-isu semasa yang membelenggu bidang pendidikan. Senario profesion keguruan masa kini dapat dilihat berbeza dengan senario pendidikan masa lalu. Jika diperhatikan senario pendidikan 20 tahun yang lalu, rata-rata masyarakat mengatakan guru adalah "lilin yang membakar diri". Guru dianggap insan terpilih yang didatangkan untuk membawa ilmu dan kemajuan kepada masyarakat setempat. Pada dasarnya profesion keguruan sejak dulu, kini dan selamanya adalah sama iaitu untuk mengajar, mendidik dan merubah pelajar yang bernama pelajar daripada keadaan yang tidak mengenal huruf, tidak tahu mengira dan tidak boleh membaca

kepada celik huruf, bijak mengira dan menjadi manusia yang berjaya (Shuib dan Johari, 2001), tetapi persoalannya mengapakah pandangan masyarakat terhadap guru dan profesionnya telah berubah. Profesionalisme guru seakan terhakis. Masyarakat dulu memandang mulia kepada guru tetapi sekarang profesion keguruan seakan terpinggir dan guru-guru seakan kurang dihormati. Meskipun senario masa kini berbeza dengan masa lampau tetapi kehadiran guru dianggap masih relevan (Rashid, 2007).

Dalam usaha memartabatkan profesion keguruan asasnya adalah melahirkan guru-guru yang benar-benar berkelayakan. Kelayakan yang dimaksudkan adalah minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti seorang guru. Proses ini bermula daripada pemilihan pelajar-pelajar yang akan mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan di universiti- universiti tempatan. Pemilihan ini perlu dilakukan secara telus bagi memastikan individu yang terpilih mempunyai ciri-ciri personaliti yang sesuai dengan bidang pendidikan.

Antara permasalahan yang menyebabkan kepincangan dalam profesion keguruan ialah tiada keselarasan antara diri dengan personaliti seorang guru yang boleh menimbulkan masalah dan memberi kesan kepada profesion keguruan. Hal ini berlaku kerana pelajar mengambil jurusan yang tidak diminati. Ini berkait rapat dengan faktor keupayaan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja dalam bentuk kesesuaian jenis personaliti seseorang dengan persekitaran itu. Apabila jenis personaliti tersebut tidak sepadan dengan persekitarannya, maka berlakulah punca kepada sikap tidak berminat terhadap kerja mahupun perkembangannya (Holland, 1973). Punca lain adalah disebabkan keluarga sebagai faktor pendorong mengambil bidang keguruan. Kajian Mohd Sahandri (1996) dan Che Noh (2002) ada menyatakan bahawa keluarga serta orang-orang yang signifikan merupakan pengaruh utama kepada pemilihan kerjaya perguruan. Pemilihan untuk menceburi bidang pendidikan yang bukan lahir daripada kehendak sendiri akan menyebabkan mereka tidak bersungguh-sungguh menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan sebagai pendidik dan akhirnya memberikan kesan terhadap reputasi keguruan.

Sesetengah individu pula menganggap bidang pendidikan atau perguruan sebagai pilihan terakhir sekiranya tiada kerjaya profesional lain yang sesuai atau sukar mendapat kerja. Menurut Halimah (2006), sekiranya bidang ini merupakan pilihan terakhir atau dipengaruhi oleh pihak lain (minat yang rendah), maka prestasi yang kurang baik akan ditunjukkan dalam proses pengajaran serta tidak menunjukkan kesungguhan dari segi persediaan pengajaran. Terdapat juga individu yang memilih bidang ini di atas faktor jaminan mendapatkan kerja setelah tamat pengajian. Pernyataan ini disokong oleh Ibrahim Ahmad (2007) yang menyatakan bahawa masyarakat menganggap bidang keguruan ini adalah pilihan terakhir sekiranya tiada kerjaya profesional lain yang sesuai atau tidak mendapat kerja. Masyarakat menganggap untuk menjadi seorang guru bukanlah satu tugas yang sukar. Oleh yang demikian, sekiranya profesion ini adalah pilihan terakhir, maka minat terhadap profesion ini hanya sedikit sahaja dan akibatnya selepas beberapa tempoh menjadi guru, kebosanan terhadap tugas akan timbul. Maka wujudlah situasi guru bermasalah. Wan Mohd Zahid (1998) dalam kajiannya yang dijalankan terhadap beberapa orang guru mengenai kejadian '*Burn-out*' terhadap guru jelas menunjukkan faktor bahawa guru yang seringkali menghadapi masalah ini adalah guru yang kurang berminat sejak dari awal lagi dalam bidang yang diceburi. Tajul (2003) dalam Sahibudilah (2004) menerangkan salah satu daripada ciri penting yang perlu ada pada seseorang guru atau bakal guru ialah mereka mesti mempunyai minat penuh terhadap keseluruhan tugasnya.

Memandangkan personaliti dan minat memberi impak yang besar terhadap bidang kerjaya yang diceburi oleh seseorang individu, maka adalah wajar perhatian khusus diberi terhadap keselarasan personaliti seseorang individu dengan bidang pengkhususan yang dipilih. Holland (1973) ada menyatakan bahawa seseorang individu harus memadankan dirinya dengan pekerjaan iaitu memadankan potensi dirinya dengan kerjaya yang sesuai. Pemilihan kerjaya yang sesuai dan selaras dengan diri individu tertentu akan dapat mengurangkan dan mengelakkan daripada berlakunya pertukaran kerja. Implikasi daripada kenyataan ini ialah perlunya mendapatkan individu yang betul dengan pekerjaan yang betul supaya guna tenaga dapat dipertingkatkan ke tahap semaksima yang mungkin. Kelly (1967) dalam Sidek Noah (2002) ada menyebut tiada dua manusia yang dilahirkan serupa. Setiap

individu adalah berbeza dari segi pembawaan semulajadinya, maka dua individu ini adalah sesuai untuk dua pekerjaan yang berbeza.

Menurut Holland (1985, 1997) keselarasan antara jenis personaliti dengan jenis persekitaran akan mempengaruhi motivasi dan kepuasan kerjaya. Individu yang dikatakan berada dalam kerjaya yang selaras atau sesuai akan bersungguh-sungguh dan bermotivasi serta menjadi seorang pekerja yang positif kerana berpeluang menggunakan kemahiran, menunjukkan kebolehan serta menampilkan nilai yang dipegang olehnya. Justeru, dalam usaha memartabatkan profesion keguruan, tunggak utama iaitu pendidik atau guru perlu dibangunkan terlebih dahulu. Guru yang produktif, peka dan prihatin merupakan suatu keperluan dalam menghasilkan dan melahirkan generasi yang sihat.

1.3 Pernyataan Masalah

Kemerosotan profesionalisme keguruan menjadi satu fenomena yang membimbangkan pelbagai pihak kerana institusi pendidikan amnya dan warga pendidik khususnya merupakan nadi penggerak ke arah pembangunan insan yang menyeluruh dan seimbang seperti yang terkandung Falsafah Pendidikan Negara. Warga pendidik yang menjadi teras utama dalam pembangunan sistem pendidikan dan modal insan perlulah mempunyai personaliti yang dinamik sebagai seorang pendidik. Oleh itu, penekanan harus diberikan semasa pengambilan pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang pendidikan.

Masalah yang timbul ialah kemungkinan berlaku kecelaruan semasa pemilihan bakal-bakal guru ke IPT untuk memasuki bidang pendidikan. Keadaan ini mungkin berlaku semasa pemilihan kursus di mana pelajar-pelajar tersalah memilih bidang yang sesuai dengan minat dan personaliti mereka. Kemungkinan pelajar tersebut berjaya dalam permohonannya tetapi bidang yang diikuti tidak bersesuaian dengan minat dan personaliti mereka. Terdapat juga sebahagian mereka yang berminat dan berjaya dalam permohonan tetapi tidak memenuhi kriteria personaliti

bidang pendidikan yang diikuti. Selain itu, mungkin terdapat pelajar yang ditawarkan ke bidang pendidikan yang tidak diminati dan dipilih oleh mereka sendiri.

Tambahan pula personaliti mereka juga tidak bersesuaian dengan bidang pendidikan yang ditawarkan. Oleh itu, faktor-faktor ini akan memberi kesan yang mendalam terhadap proses pendidikan akan datang kerana melahirkan bakal-bakal guru yang tidak menepati ciri-ciri atau tret-tret personaliti seorang pendidik.

Akhirnya, persoalan “Adakah saya sesuai dengan bidang pendidikan yang ikuti ini?”, mungkin timbul apabila seseorang individu mendapati dirinya berhadapan dengan masalah mengenai tugasnya sebagai seorang pekerja (guru) atau pelajar bidang pendidikan. Justeru itu adalah penting keselarasan dari segi personaliti dengan bidang kerjaya yang bakal diceburi oleh setiap individu dikaji kerana ia adalah penentu kejayaan seseorang dalam bidang pekerjaannya. Amir Awang (1983) menjelaskan bahawa pemilihan pekerjaan yang selaras dengan personaliti merupakan penentu penting bagi taraf atau kedudukan seseorang dalam masyarakat yang boleh memberi kesan kepada nilai hidup, sikap dan gaya hidup seseorang.

Ketidakselarasan personaliti dengan kursus yang diikuti akan menyebabkan pelajar tersebut apabila menjadi guru kelak akan menunjukkan tanda-tanda kurang bermotivasi dan tidak bersemangat untuk mendokong etika profesionalisme mereka. Ini sekaligus akan menimbulkan masalah dalam bidang pendidikan itu sendiri kerana melahirkan guru-guru yang tidak memenuhi kriteria yang sebenarnya. Spokane (1985) menegaskan bahawa persekitaran yang tidak kongruen akan menggalakkan individu meninggalkan persekitaran tersebut atau mengubahsuai sikap mereka terhadap kerjaya tersebut. Kesan daripada ini akan dapat dilihat kepada generasi-generasi akan datang yang bakal memimpin dan menjadi tunggak kemajuan negara. Sistem pendidikan akan gagal membentuk generasi sepertimana yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Maka, adalah wajar sekiranya pihak pentadbiran dan organisasi pendidikan hanya mengambil individu yang benar-benar layak serta mempunyai ciri-ciri personaliti seorang guru untuk memasuki bidang pendidikan.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji kesesuaian personaliti dengan bidang kursus perguruan yang sedang diikuti dan hubungannya dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini adalah untuk mengkaji kesesuaian personaliti dengan bidang kursus perguruan yang sedang diikuti dan hubungannya dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk -

- i. Mengenalpasti faktor pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.
- ii. Mengenalpasti profil personaliti pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.
- iii. Mengenalpasti tahap keselarasan atau kekongruenan personaliti pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai ini dengan bidang kursus perguruan yang sedang diikuti.
- iv. Mengenalpasti hubungan di antara darjah kongruen personaliti pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan mereka.

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian ini adalah :-

- i. Apakah faktor pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.
- ii. Apakah profil personaliti pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.
- iii. Apakah tahap keselarasan atau kekongruenan personaliti pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai ini dengan bidang kursus perguruan yang sedang diikuti.
- iv. Apakah terdapat perhubungan di antara darjah kongruen personaliti pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan mereka.

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, terdapat empat hipotesis yang dibentuk dalam kajian ini iaitu :-

- H 1 : Terdapat perhubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor minat dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan mereka.
- H 2 : Terdapat perhubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor keluarga dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan mereka.
- H 3 : Terdapat perhubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor ganjaran dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan mereka.

H 4 : Terdapat perhubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor persekitaran dalam pemilihan kerjaya perguruan di kalangan mereka.